

Um - 8/3/2004, Pg. 9

Pastikan rumah sentiasa bersih, cantik

Oleh NAZARUDIN SHAHARI

LANGKAWI 7 Mac — Penduduk di pulau perangan ini digesa memastikan rumah mereka sentiasa berada dalam keadaan bersih, cantik dan indah bagi menggambarkan tahap kemajuan yang telah dicapai oleh negara.

Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, kebersihan rumah dan kawasan sekitarnya adalah amat penting kerana ia mencerminkan sejauh mana kemajuan yang telah dicapai oleh sebuah negara.

Katanya, kemajuan tersebut tidak akan bermakna sekiranya rakyat masih mengekalkan cara hidup yang diamalkan semasa negara belum mencapai kemajuan.

“Usaha mencantikkan rumah kita dan kawasan sekitarnya perlu dilaksanakan secara berterusan sehingga ia menjadi satu budaya yang sehati kepada penduduk pulau ini.

“Sekarang Langkawi menjadi tumpuan ramai pelancong asing termasuk dari negara-negara Eropah, Jepun, China, Taiwan, Hong Kong dan banyak lagi. Tentulah mereka akan memerhatikan cara hidup kita.

“Adakah kita mempunyai standard hidup yang sesuai dengan pembangunan negara kita. Negara

juga mencapai banyak kemajuan sehingga ada pihak berkata Malaysia sebuah negara maju,” katanya ketika berucap pada majlis penyampaian hadiah pertandingan Rumah Bersih dan Indah Langkawi 2003 di pekarangan Masjid Nur Al Islam, Sungai Itau di sini, hari ini.

Turut hadir isterinya, Tun Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali; Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Datuk Abu Bakar Taib; Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan dan Pembangunan Koperasi negeri, Datuk Md. Hasan Bulat; Pengerusi Barisan Nasional (BN) Langkawi, Tan Sri Sanusi Junid dan Pengurus Besar Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA), Datuk Anwar Abdul Rahman.

Dr. Mahathir yang juga Penasihat LADA berkata, kemajuan sebuah negara bukan hanya di ukur dari segi perolehan pendapatan semata-mata, tetapi juga cara hidup seseorang masyarakat.

Menurutnya, jika negara itu kaya, tetapi cara hidup yang diamalkan oleh penduduknya masih seperti orang yang tidak berpelajaran dan kolot, sudah tentu negara itu tidak boleh dianggap sebagai negara maju.

“Saya kerja di pulau ini pada tahun 1956. Ketika itu tidak ada jalan tar seperti hari ini. Jalan ke sebelah barat pun lebih kurang saja, tetapi

sekarang kita lihat semua jalan bertar, ada bekalan elektrik dan air yang tidak kurang daripada yang terdapat di kawasan lebih maju daripada Langkawi.

“Semua kemudahan ada termasuk sekolah, klinik, hospital dan masjid. Semua kemudahan ini bertambah berkali ganda sehingga ia setaraf kawasan yang lebih dulu maju seperti Kuala Lumpur,” katanya.

Sehubungan itu, katanya, semua kemudahan yang telah disediakan itu perlu seiring dengan kemajuan budaya hidup penduduk di sebuah negara maju.

Pada pertandingan itu, Tapa Jit dari Kampung Sungai Itau diumumkan pemenang bagi kategori Rumah Kekal, manakala Zulaikha Ahmad dari Kampung Chandek Kura memenangi kategori Rumah Separuh Kekal dan Sopiah Itam juga dari Kampung Chandek Kura diumumkan pemenang bagi kategori Rumah Kayu.

Para pemenang membawa pulang wang tunai RM1,500, barangan elektrik, set pinggan mangkuk dan sijil.

Pertandingan itu adalah anjuran LADA dengan kerjasama Kementerian Pembangunan Luar Bandar.



DR. Mahathir Mohamad dan Siti Hasmah Mohd. Ali melawat ruang tamu rumah Che Embun Putih yang memenangi tempat pertama (kategori Rumah Kekal) dalam pertandingan Rumah Bersih dan Indah Langkawi 2003 di Kampung Sungai Itau, Mukim Air Hangat, Langkawi, semalam.